

CREATE



Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Creativity

Julai - September 2009

*Untuk menjadi universiti pilihan pertama,
bertaraf dunia dan berjenama*



27 Julai 2009

**“ Perpindahan ini adalah
untuk menyediakan ruang
pembelajaran yang lebih
kondusif dan selesa ”**

Terkini!
**Jejak
Alumni**

ISSN 1823-7487



9 771823 748004



*Universiti adalah tempat untuk
mengiktiraf ilmu pengetahuan dan
para pelajar perlulah mengambil
peluang ini untuk belajar
bersungguh-sungguh.*



*Pelajar universiti perlu diberi
kebebasan sewajarnya
untuk mengembangkan
potensi dan bakat sebagai
aktivis dan pemimpin.*



Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Creativity

CENFED

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
CENTRE FOR CONTINUING EDUCATION & PROFESSIONAL DEVELOPMENT

- ▶ Program Peningkatan Kemahiran IKS/PKS & Kontraktor
- ▶ Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional
- ▶ Kursus Profesional & Jangka Pendek
- ▶ Diploma Eksekutif & Separuh Masa
- ▶ Perkhidmatan Perundingan
- ▶ Sijil Profesional
- ▶ "Safety & Health" (Dalam bidang Kejuruteraan, Pembinaan, Teknikal & Sebagainya)

Tel : 09-549 2086/2652

www.ump.edu.my/ump/cenfed



JKKP



PSMB



CIDB
MALAYSIA



MS ISO 9001:2009 REG. NO. AR3811

MSC MALAYSIA
Status Institution

NIOSH CERTIFICATION
OHSAS 18001:1999
Cert. No. 0-00307

Sidang Editorial

PENANUNG

Yang Hormat Prof. Dato' Dr. Daing
Nasir Ibrahim
daing@ump.edu.my

KETUA EDITOR

Abd Rahman Haji Safie
arahman@ump.edu.my

EDITOR (BAHASA MELAYU)

Safriza Baharuddin
safriza@ump.edu.my

EDITOR (BAHASA INGGERIS)

Arman A. Rahim
arman@ump.edu.my

Nor Yazi Khamis
nyazi@ump.edu.my

WARTAWAN/PENULIS

Nadzariah Mohamed
nadzariahmd@ump.edu.my

Mohd. Raizalhilmy Mohd Rais
hilmy@ump.edu.my

Ahmad Reduan Mohd Yusof
reduan@ump.edu.my

Siti Aishah Ghani
sitiaishah@ump.edu.my

Muhammad Azli Shukri
mdazli@ump.edu.my

Mimi Rabita Abdul Wahit
mimirabita@ump.edu.my

Mohd. Rozmillah Othman
rozmillah@ump.edu.my

Nor Salwana Mohammad Idris
salwana@ump.edu.my

Raihana Sulaiman
raihana@ump.edu.my

Buletin CREATE diterbitkan empat kali setahun. Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau disiarkan dalam apa-apa jua perkara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Editor.

Sidang Editorial berhak melakukan penyuntingan terhadap tulisan yang diterima untuk penyiaran selagi tidak mengubah isinya. Karya yang disiarkan tidak semestinya menggambarkan atau mencerminkan pendapat dan sikap Buletin CREATE. Karya yang disiarkan tidak boleh diterbitkan semula tanpa kebenaran Ketua Editor.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab juga atas kehilangan tulisan atau karya yang dikirimkan melalui pos.

Segala sumbangan yang dikirimkan sama ada disiarkan atau tidak, tidak akan dikembalikan. Sumbangan karya boleh dihantar melalui e-Mel atau pos kepada penerbit di:

EDITOR

Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaysia Pahang
Lebuh raya Tun Razak
26300 Gambang, Kuantan
Pahang Darul Makmur

Tel. : 09-549 3184/8057
Faks : 09-549 3199
e-Mel : create@ump.edu.my



PEREKA GRAFIK

Azman Md Diah
azmanm@ump.edu.my

Noor Azhar Abd Rasid
noorazhar@ump.edu.my

Mohd Zulkifly Hamzah
mohdzulkifly@ump.edu.my

JURUFOTO

Khairu Aidilnisha Rizan Jalil
khairul@ump.edu.my

PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatul Azlin Abd Aziz
hafizatul@ump.edu.my

Norhafizah Fadzillah
nhafizah@ump.edu.my

PENGEDARAN

Ahmad Mahdi Sulaiman
mahdi@ump.edu.my

Dari Meja Ketua Editor

Memperteguh dan memperkasakan modal insan

Salam 1 Malaysia, Salam 1 UMP. Salam penuh hormat untuk semua pembaca yang budiman.

Sudah hampir dua tahun saya menerajui buletin *Create* ini. Ternyata ia merupakan pengalaman yang amat mengujakan bersama Sidang Editorial *Create* kerana saya perlu berusaha berlipat ganda untuk memastikan *Create* kekal sebagai buletin nombor satu UMP. Saya dan *team* perlu bergerak pantas dan juga harus 'berlari' untuk mencari idea baharu dan segar bagi memastikan kepuasan pembaca. Dan ini bukanlah sesuatu tugas yang mudah. Sukar, tetapi memberi cabaran untuk saya terus berjuang.

Banyak faktor yang perlu diambil kira untuk memastikan *Create* terus bertahan. *Create* mesti mendahului dari segi idea, maklumat yang padat dan informasi yang tepat. Yang penting *Create* mesti berani mencuba sesuatu yang baharu. Memang menakutkan untuk membuat sesuatu perubahan, tidak kiralah dalam apa jua bidang sekalipun. Begitu juga dengan saya. Untuk membuat perubahan di dalam *Create* saya perlu merenung panjang ke dalam diri. Jika saya jadi pembaca *Create* apa yang saya inginkan? Sudah tentu saya inginkan sesuatu yang berbeza, dari segi artikel yang disediakan dan reka bentuk yang lebih kemas serta menarik.

Demi memenuhi keinginan pembaca, keluaran kali ini Sidang Editorial *Create* memberi nilai tambah dengan mengetengahkan kolom baharu iaitu JEJAK ALUMNI yang memaparkan kejayaan dan pencapaian graduan Universiti Malaysia Pahang (UMP) sejak ia ditubuhkan pada tahun 2002 sehingga kini. Mereka inilah merupakan antara graduan UMP berpersonaliti unggul yang telah mengharumkan nama UMP dan juga Malaysia di persada dunia.

Saranan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Yang Berhormat Dato' Saifuddin Abdullah agar pensyarah IPTA mengaplikasikan kajian kes sebagai satu kaedah dalam proses pengajaran dan pembelajaran di universiti wajar diambil serius oleh pensyarah UMP. Kajian Kes bukan sahaja cerita biasa malah fungsinya lebih luas daripada itu. Ia boleh menjadi wacana untuk meluaskan pengetahuan. Malah, para pensyarah bakal didedahkan dengan masalah atau isu yang sebenar agar hasil kajian tersebut dapat memberi impak yang positif kepada pembangunan dan kemajuan negara kita. Ini kerana universiti merupakan jentera terpenting dalam sistem inovasi kebangsaan secara menyeluruh yang mampu menghasilkan lebih ramai modal insan yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran secara total.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pandangan atau komentar jangan ragu-ragu untuk e-melkan kepada saya kerana pandangan anda memang saya perlukan untuk memastikan apa yang diketengahkan di dalam *Create* sentiasa memenuhi apa yang anda inginkan. Jangan lupa kiriman berita atau artikel juga untuk saya paparkan dalam *Create* yang akan datang.

Sampai jumpa lagi di keluaran yang akan datang, senyum-senyum selalu. Harapan kami, jangan jemu membaca *Create*, buletin Dekat di Hati, Dekat Juga Di Mata.

Abd Rahman Haji Safie



Lembaga Pengarah UMP mengadap KDYMM Sultan Pahang

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU), Yang Hormat Dato' Mohd Hilmey Mohd Taib dan ahli LPU, Yang Berbahagia Dato' Sri Abdul Aziz Abdul Rahman telah membuat kunjungan hormat ke Istana Hinggap Pahang, Kuala Lumpur bagi mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Riayatuddin Al-Mu'adzam Shah pada 15 September 2009 yang lalu.

Kunjungan rombongan LPU ke Istana Hinggap itu adalah bagi merakamkan potret KDYMM Sultan Pahang bersempena dengan Majlis Konvokesyen Komemoratif & Konvokesyen Ke-4 Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang berlangsung pada 3 dan 4 Oktober 2009 yang lalu.

Pada majlis tersebut, Baginda dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Kejuruteraan Awam daripada Canselor UMP, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang Tengku Abdullah Al-Haj Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah.

Selain itu, kunjungan tersebut juga bertujuan untuk menyila Baginda berangkat ke Majlis Santapan/Jamuan Malam yang diadakan di Hyatt Regency Kuantan Resort pada 2 Oktober 2009 dan ke Majlis Konvokesyen Komemoratif UMP pada 3 Oktober 2009 di Kompleks Sukan UMP.

Dalam kunjungan tersebut juga ahli LPU turut mempersembahkan *mock-up* buku "*The Ruler, The Builder, The Engineer*" kepada Baginda.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Sabarudin Mohd. dan Pendaftar, Tuan Haji Mustafa Ibrahim.





Pelajar UMP perlu ada semangat kesetiaan elak penjajahan

Pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) perlu ada sesuatu nilai yang perlu dipegang seperti kesetiaan dan kecintaan kepada universiti di mana tempat para pelajar menimba ilmu.

Menteri Besar Pahang, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Adnan Haji Yaakob berkata, dalam keadaan dunia global tanpa sempadan ini, penjajahan boleh berlaku di mana-mana dengan bermacam-macam cara.

Beliau berkata, pelajar perlulah ada idealisme untuk dijadikan pegangan yang akan dicapai pada masa hadapan.

Tambah beliau lagi, universiti adalah tempat untuk mengiktiraf ilmu pengetahuan dan para pelajar perlulah mengambil peluang ini untuk belajar bersungguh-sungguh.

"Sebagai rakyat Malaysia kita perlu ada kesedaran untuk bersatu dan dapat membuktikan semangat itu untuk menarik para pelabur untuk datang ke Malaysia," kata beliau kepada lebih kurang 3,000 staf dan pelajar UMP di majlis berbuka puasa warga UMP bersama Menteri Besar Pahang pada 5 September 2009 yang lalu di Masjid UMP.

Dato' Sri Adnan turut menyertai warga UMP menunaikan solat maghrib, isyak dan terawih di masjid UMP.

Hadir sama Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Yang Hormat Dato' Mohd. Hilmey Mohd. Taib dan Naib Canselor, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Warga UMP turut menyemarakkan lagi sambutan bulan mulia ini dengan melaksanakan majlis berbuka puasa secara beramai-ramai secara konsisten sepanjang Ramadan tahun ini.

Ketibaan Dato' Sri Adnan Haji Yaakob membuktikan keprihatinan dan

keperibadian Menteri Besar Pahang yang senang mendampingi rakyat khususnya pelajar.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr Daing Nasir Ibrahim, majlis berbuka puasa pada hari ini dikelolakan secara bergotong-royong di kalangan warga kerja dan pelajar UMP dalam suasana kekeluargaan dan ikhwah sempena bulan Ramadan ini.

"Bagi meraikan kedatangan Menteri Besar Pahang, warga UMP telah mula bergotong-royong menyediakan bahan-bahan masakan seawal jam 10 pagi.

"Bagi menyemarakkan lagi suasana bulan mulia ini dan penghayatan yang lebih bermakna, UMP telah melaksanakan amalan berbuka puasa secara beramai-ramai atau ifthar jama'ie setiap hari sepanjang bulan Ramadan ini," katanya.

Menurut Profesor Dato' Dr. Daing lagi, pelaksanaan program ini diharap dapat memupuk semangat ukhuwah dan jalinan silaturahim di kalangan staf dan pelajar semasa bergotong-royong yang juga turut disertai oleh pelbagai kaum.

"Ini membuktikan Semangat 1Malaysia yang dicetuskan oleh Perdana Menteri Malaysia dapat dijemakan di bulan yang mulia ini," kata beliau lagi.

Menurut Profesor Dr. Daing sejumlah dana telah dapat dikumpulkan dari sumbangan wang dan barangan yang diterima dari staf UMP, orang perseorangan dan syarikat korporat bagi membiayai penyediaan juadah berbuka puasa bagi warga UMP khususnya pelajar.

"Insyallah, tabung ini akan dijadikan modal pusingan untuk menjadikan program ini sebagai program tahunan UMP," kata beliau.





Pensyarah IPT digalakkan menggunakan kajian kes dalam proses P&P



Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Yang Berhormat Dato' Saifuddin Abdullah menggalakkan pensyarah Institusi Pengajian Tinggi (IPT) untuk menggunakan kajian kes (*case study*) sebagai salah satu metodologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) di IPT.

Jelas beliau, kaedah kajian kes merupakan kaedah yang sangat berkesan dalam membentuk pemikiran analitikal dan kritis di kalangan pensyarah dan mahasiswa.

"Kaedah ini menyediakan cara sistematik untuk menganalisis keadaan, mengumpul data, menghalusi maklumat serta melaporkan hasil kajian," ujar beliau ketika merasmikan *Academic Carnival* dan *Expoconvo'09* Universiti Malaysia Pahang (UMP) di Dataran Canseleri, UMP Kampus Gambang pada 28 September 2009 yang lalu.

Katanya, melalui kaedah kajian ini juga, pengkaji akan didedahkan dengan isu-isu sebenar berserta pendekatan praktikal dan tidak hanya bersandarkan teori semata-mata.

"Di peringkat Kementerian Pengajian Tinggi, usaha mengadakan kursus-kursus tentang penggunaan kajian kes di kalangan pensyarah sama ada dalam bidang P&P dan penyelidikan sedang giat dijalankan oleh Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT).

Hadir sama Naib Canselor UMP, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing

Nasir Ibrahim, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Sabarudin Mohd dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus.

Pada majlis tersebut juga, Dato' Saifuddin turut menanam pokok *bucida molineti* (sejenis pokok teduhan daripada pancaran matahari) sempena Pelancaran Kempen Bumi Sihat anjuran Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA).

Kempen tersebut diadakan bertujuan untuk memberi kesedaran mengenai penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Naib Canselor UMP, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dalam ucapan aluannya berkata, UMP sekali lagi mencatatkan episod penting dalam sejarah UMP sebagai sebuah IPTA apabila pada 3 dan 4 Oktober ini, Majlis Konvokesyen Ke-4 akan dilangsungkan di kampus Gambang UMP.

Justeru, katanya, aktiviti-aktiviti yang mengiringi pengajuran Majlis Konvokesyen direka bentuk dengan acuan yang tersendiri bagi melambangkan UMP sebagai sebuah gedung dan menara ilmu, mencerminkan *Engineering, Technology and Creativity* sebagai cogan kata universiti ini dan yang lebih utama penekanan terhadap pengisian berbanding bentuk atau *substance over form*.



Beri lebih kebebasan pelajar universiti kembangkan bakat kepimpinan

“Pelajar universiti perlu diberi kebebasan sewajarnya untuk mengembangkan potensi dan bakat sebagai seorang aktivis dan pemimpin,” kata Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Yang Berhormat Dato’ Saifuddin Abdullah.

Tambah beliau lagi, ianya selaras dengan pindaan Akta Universiti & Kolej Universiti 1971 yang bertujuan untuk mengurangkan kawalan dan kongkongan pelajar dan memberikan kebebasan dalam hal ehwal universiti.

“Pelajar baharu Sesi 2009/2010 merupakan kumpulan pelajar pertama mendaftar setelah AUKU dipinda dan berharap mereka dapat menggunakan peluang dan kepercayaan yang diberikan oleh kerajaan untuk lebih bergiat aktif dalam kokurikulum.

“Mereka perlu melipatgandakan aktiviti mereka dan mengambil peluang ini untuk membina diri dari segi akademik dan kokurikulum yang seimbang kerana mereka sudah menjadi pelajar universiti yang telah dewasa.

“Di samping itu, mereka diharap akan lebih aktif dan

universiti akan bertindak sebagai pemudahcara, pembimbing dan penasihat kepada golongan pelajar ini,” ujarnya.

Universiti juga telah memberi lebih kebebasan dan menurunkan kuasa kepada pelajar melalui MPP untuk menganjurkan acara-acara universiti supaya proses latihan dan kepimpinan boleh berlangsung dengan jayanya.

“Para pensyarah dan pegawai perlu bertindak sebagai penasihat dan fasilitator kepada kegiatan yang dianjurkan oleh para pelajar.

“Pihak pengurusan UMP telah memberi kepercayaan kepada MPP untuk menguruskan rakan-rakan yang lebih kurang sebaya dengan mereka dan ianya bukanlah satu proses yang mudah,” kata beliau pada sidang media selepas merasmikan Minggu Induksi Siswa 2009 yang diadakan sempena pendaftaran pelajar baharu UMP sesi 2009/2010 semalam di Astaka UMP, Kampus Gambang.

Turut hadir ialah Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Dato’ Mohd Hilmei Mohd Taib, Setiausaha Bahagian Dasar dan Antarabangsa Kementerian

Pengajian Tinggi Malaysia merangkap Ahli Lembaga Pengarah UMP, Dato’ Rohani Abdullah, Naib Canselor UMP, Profesor Dato’ Dr. Daing Nasir Ibrahim, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato’ Dr. Sabarudin Mohd, Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Profesor Dr. Abdul Jalil Borham, Pegawai-Pegawai Kanan universiti, Dekan dan Ketua Pusat Tanggungjawab. Turut sama, Yang di-Pertua Majlis Perwakilan Pelajar, Mohd Sufi Kamari.

Seramai 1,565 pelajar baharu mula mendaftar di UMP bagi sesi 2009/2010. Daripada jumlah itu, seramai 1,402 orang akan mengikuti program di peringkat sarjana muda, manakala 163 lagi bagi program diploma.

Terdahulu, Profesor Dato’ Dr. Daing dalam ucapannya berkata, pengurusan UMP akan memberikan pengalaman kampus yang terbaik kepada pelajar-pelajar universiti ini yang dibentuk dalam suasana dan budaya kampus yang kondusif dan menyeronokkan.

“Penglibatan seramai 150 orang pelajar kanan sebagai fasilitator MINDS 2009 diharap

dapat memberi pengalaman dan pendedahan positif dalam memperkasakan kepimpinan dan personaliti pelajar universiti ini.

“Pelajar diharap dapat membalas pengalaman yang dilalui ini dengan menjadi warga UMP yang positif dan bertanggungjawab,” kata beliau semasa menyampaikan ucapan alu-aluan sempena MINDS 2009 yang berlangsung selama lima hari bermula dari 28 Jun sehingga 4 Julai 2009.

Selain program taklimat mengenai usaha pembangunan pelajar, akademik dan kemudahan yang ada di universiti, pelajar turut diberi penerangan mengenai peraturan universiti dan kolej kediaman serta Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU).

Antara aktiviti-aktiviti lain sepanjang minggu MINDS 2009 adalah siaran langsung “Suara Siswa” di Radio Televisyen Malaysia (RTM), Malam Asimilasi MINDS, Majlis Amanat Naib Canselor dan ikrar pelajar serta diakhiri dengan Program Khidmat Komuniti Perdana di Lepar Hilir.



UMP terima 52 pelajar antarabangsa

Universiti Malaysia Pahang (UMP) mencatat sejarah tersendiri apabila menerima seramai 52 pelajar antarabangsa yang pertama untuk program ijazah sarjana muda sejak mula beroperasi pada tahun 2002 lagi.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, kini UMP buat pertama kalinya menjadi pilihan seramai 52 orang pelajar luar negara termasuk 39 pelajar dari negara China, lima orang dari Yemen, dua orang dari Kemboja dan Indonesia dan seorang dari setiap negara Sudan, Uzbekistan, Iran, Kemboja dan Thailand.

"Pengambilan pelajar antarabangsa ini adalah selaras dengan strategi pengajian tinggi negara yang menetapkan sekurang-kurangnya 5% daripada jumlah keseluruhan pelajar IPTA adalah terdiri daripada pelajar antarabangsa.

Menurut Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, perintis kepada pengambilan pelajar antarabangsa ini, UMP telah memperkenalkan program Kursus Bahasa Inggeris yang dikenali

sebagai *Preparatory Intensive English* (PIE) kepada pelajar luar negara.

"Program PIE ini telahpun diikuti oleh seramai 37 orang pelajar dari negara China pada Disember tahun lalu yang bertujuan memberi kemahiran bahasa Inggeris kepada pelajar yang terlibat.

"Semua pelajar antarabangsa ini telah pun lulus Program Intensif Peralihan Bahasa Inggeris (PIE) yang dijalankan selama enam bulan oleh Pusat Bahasa Modern & Sains Kemanusiaan (PBMSK) dan telah memenuhi kriteria dan syarat yang telah ditetapkan sebelum menerima permohonan untuk melanjutkan pengajian mereka di UMP," katanya semasa Majlis Amanat Naib Canselor & Lafaz ikrar pelajar baharu di Astaka UMP Kampus Gambang pada 3 Julai 2009 yang lalu.

Sementara itu, pelajar antarabangsa yang ditemui, Yan Jing, 21 dari China berkata, dia berasa bertuah kerana dipilih mengikuti kursus Sarjana Muda Pengurusan Projek di

UMP.

"Persekitaran pengajian yang kondusif membuat saya memilih universiti ini untuk melanjutkan pengajian di bidang pengurusan projek.

"Saya banyak mendapat maklumat mengenai UMP semasa melayari internet," akui beliau.

Seorang lagi pelajar Xuan Chong, 20, yang telah mengikuti program PIE di UMP sebelum ini berkata, rakan-rakan dari negaranya ramai memperkatakan tentang kelebihan belajar di UMP berbanding dengan universiti lain.

Rakan-rakan saya sering bercerita mengenai UMP dan mendorong saya untuk belajar di sini.

"Saya mengambil keputusan menyambung pengajian di UMP kerana ramai pelajar-pelajar dari negara China juga belajar di sini," kata beliau yang mengikuti pengajian Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal.



Pengurusan Tertinggi UMP kunjungi **NSTP, Media Prima**

Kedua-dua pihak cuba mencari peluang kerjasama yang boleh diteroka, khususnya dalam menyalurkan maklumat ilmu serta maklumat berkaitan pendidikan kepada masyarakat menerusi media cetak dan media elektronik.

Dalam usaha untuk mengeratkan hubungan rapat dan baik dengan media massa serta kerjasama dalam pelbagai program, pengurusan tertinggi Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah mengambil langkah proaktif dengan mengadakan lawatan ke Balai Berita, The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP) dan Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3) pada 14 hingga 15 Julai 2009 yang lalu.

Lawatan yang diketuai oleh Naib Canselor, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim itu turut disertai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Sabarudin Mohd, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Dr. Rosli Mohd Yunus, Ketua Timbalan Pendaftar, Datin Fazia Ali dan Pegawai Perhubungan Awam dan Media UMP, Nadzariah Mohamed.

Kunjungan itu bertujuan menjalin hubungan dengan akhbar kumpulan NSTP, iaitu Berita Harian, Harian Metro dan New Straits Times serta kumpulan pengurusan Media Prima bagi membentuk hubungan kerjasama antara UMP dan organisasi media.

Hadir meraikan rombongan UMP ialah Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) NSTP, Datuk Anthony Firdauz Bujang, Pengarang Urusan Kumpulan NSTP, Zainul Arifin Mohammed Isa; Pengarang Kumpulan Berita Harian, Mior Kamarul Shahid; Zainor Said dan Pengurus Kanan Pembangunan Pengeluaran, Sazali Hashim.

Manakala bagi pihak Media Prima terdiri daripada Pengurus Besar Pemasaran, Sherina Mohamed Nordin, Pengurus Besar Kumpulan Perkhidmatan Pelanggan, Mohamed Azri Abdul, Pengurus Kanan Kumpulan Perkhidmatan Pelanggan, Siti Hida Abu Abid dan

Editor Kumpulan Pengurusan, Shahrudin Abd Latif.

Menerusi kunjungan tersebut juga, kedua-dua pihak cuba mencari peluang kerjasama yang boleh diteroka, khususnya dalam menyalurkan maklumat ilmu serta maklumat berkaitan pendidikan kepada masyarakat menerusi media cetak dan media elektronik.

Pengurusan tertinggi juga berpeluang melawat konti bersama penyampai Hotfm, bilik berita TV3, bilik penyiaran Malaysia Hari Ini termasuk TV9 dan NTV7.

Kunjungan yang buat pertama kalinya ini, memberi peluang kedua-dua belah pihak berbincang mengenai peluang kerjasama yang dapat dijalin bagi membantu kerajaan menyalurkan maklumat pendidikan kepada rakyat.

Pada sesi dialog itu juga, Zainul

Arifin daripada pihak NSTP, berkata pensyarah universiti tempatan digalakkan menulis serta menghantar artikel mengenai bidang masing-masing untuk disiarkan.

Katanya, walaupun kini ada di kalangan pensyarah sudah melakukannya tetapi masih tertumpu pada universiti yang sama sahaja.

Ternyata kunjungan UMP memberi banyak manfaat kerana selama ini pihak pengurusan universiti hanya berpeluang bersemuka dan berkomunikasi dengan wartawan yang bertugas membuat liputan acara atau majlis tertentu sahaja.

Malah, perjumpaan ini lebih bermakna apabila pihak pengurusan dapat melontarkan pandangan dan idea dalam mempertingkatkan hubungan antara universiti dan media di negara ini.

Warga UMP bergilir sediakan juadah berbuka puasa setiap hari



Penghayatan bulan Ramadan iaitu bulan mulia yang kaya dengan ganjaran pahala yang berlipat ganda berjaya memutikkan rasa kesyukuran dan keinsafan kepada seluruh umat manusia untuk meningkatkan amal ibadat dan tanggungjawab sebagai khalifah Allah di muka bumi ini.

Ternyata Ramadan kali ini amat bermakna bagi seluruh warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) kerana majlis berbuka puasa diadakan pada setiap hari di Masjid UMP.

Program gotong-royong yang melibatkan 13 Jabatan dan Fakulti, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Sahabat Masjid (SAHAM) serta Briged Siswa diadakan secara bergilir-gilir setiap hari bermula daripada penyediaan bahan-bahan masakan, memasak dan sehinggalah menghidang kepada para tetamu yang hadir.

Apa yang lebih menarik dan unik ialah para tetamu dihidangkan juadah berbuka puasa di dalam talam (dulang) yang dikongsi bersama rakan-rakan yang lain.

Sementara itu, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, aktiviti ini diadakan bertujuan untuk memberi kebajikan kepada pelajar khususnya dengan menyediakan juadah berbuka puasa, selain untuk merapatkan hubungan antara pelajar dengan staf UMP.

"Kita perlu menghayati bulan Ramadan dengan mengangkat budaya bersedekah dalam diri Muslim tanpa mengira darjat atau keturunan.

"Aktiviti gotong-royong semasa menyediakan juadah ini dapat merapatkan lagi hubungan antara warga kampus.

"Budaya tolong-menolong ini boleh dijadikan contoh kepada pelajar-pelajar antarabangsa dan akan dijadikan tradisi universiti setiap kali menjelang bulan Ramadan," kata beliau.



FKM dan FKEE kini beroperasi di UMP Kampus Pekan, Kuala Pahang

Info Sekitar Kampus

Universiti Malaysia Pahang (UMP) mencatat sejarah baharu dengan perpindahan dua buah fakultinya iaitu Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) ke kampus tetapnya di Kuala Pahang, Pekan pada 27 Julai 2009 yang lalu.

Kampus yang berkeluasan 642 ekar dan jaraknya 50 kilometer dari Kampus Gambang itu mampu menampung seramai 10,000 pelajar dan 2,000 orang staf.

Pemindahan peringkat pertama dari Kampus Gambang ke Kampus Pekan itu melibatkan seramai 1,500 orang pelajar dan 119 orang staf dari FKM, 980 orang pelajar dan 105 orang staf dari FKEE dan seramai 39 orang staf pentadbiran.

Perpindahan tersebut juga bertujuan untuk menyediakan ruang pembelajaran yang lebih kondusif dan selesa kepada para pelajar.

Lokasi penempatan Kampus Pekan yang terletak berdekatan dengan pusat industri automatik itu juga diharapkan dapat memberi nilai tambah kepada UMP untuk menjalinkan kerjasama dengan pihak industri dari segi penyelidikan dan pembelajaran selaras merealisasikan visi dan misi UMP untuk menjadi universiti teknikal bertaraf dunia di Malaysia dan luar negara.



Peranan media sebagai pengantara dalam menghubungkan dan menyebarkan maklumat ternyata banyak membantu dalam menjayakan program-program universiti.

Sebagai menghargai komitmen para para pengamal media, Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah mengadakan majlis berbuka puasa bersama wartawan, jurugambar dan semua pengamal media di sekitar Kuantan.

Lebih 100 orang hadir dalam program berkenaan yang turut sama dihadiri oleh Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim di Hotel Grand Continental, Kuantan pada 4 September 2009 yang lalu.

Menurut beliau, UMP akan menjadikan program ini sebagai aktiviti yang boleh memenuhi kalendar tahunan bersama media.

"Kami sentiasa menghargai peranan dan sumbangan media dan hari ini kami mahu meraikan semua pengamal media," ujar beliau.

Selain itu, beliau juga mengharapkan jalinan kerjasama ini akan diteruskan dan kedua-dua pihak mungkin boleh memikirkan pelbagai aktiviti lain yang sesuai pada masa akan datang.

Hadir sama Ketua Pengarah Penyiaran Negeri Pahang Radio & Television Malaysia (RTM), Tuan Haji Mustafa Kamal Abdul Razak, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UMP, Profesor Dr. Rosli Mohd. Yunus, Pendaftar UMP, Tuan Haji Mustafa Ibrahim, pengurusan universiti dan pengamal media Pahang.

Dalam majlis tersebut wakil media turut menerima hamper raya yang disampaikan oleh Naib Canselor UMP.

Antara yang hadir ialah wartawan dari Berita Harian, New Straits Times, Bernama, Metro, Kosmo, Utusan Malaysia, Nanyang Siang Pau, Sin Chew Daily, The Star, Sinar Harian, RTM dan The China Press.

UMP rai media dalam majlis berbuka puasa



Jom Makan Durian erat hubungan media-UMP

Dalam usaha untuk mengeratkan hubungan bersama pihak media sekitar Kuantan dan mengambil kesempatan sempena musim buah-buahan, Universiti Malaysia Pahang (UMP) buat julung kalinya menganjurkan program Jom Makan Durian Bersama Media di Agro Resort Semuji, Gambang pada 13 Julai 2009 yang lalu.

Seramai 60 orang pengamal media yang terdiri daripada wartawan dan jurugambar hadir dalam program yang bertujuan mengeratkan hubungan dengan pengamal media yang banyak memberi sokongan kepada aktiviti-aktiviti universiti.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, program yang julung kali dianjurkan ini bertujuan meraikan media dan menjalinkan hubungan yang lebih erat di kalangan pengamal media.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Sabarudin Mohd., Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Rosli Mohd. Yunus, Pendaftar, Tuan Haji Mustafa Ibrahim dan barisan pengurusan universiti yang lain.

Hadir sama wakil media ialah Ketua Biro Utusan Melayu (M) Bhd., Yusri Sahat, Ketua Biro Berita Harian Sdn. Bhd., Abdul Razak Raaf bersama wakil media yang terdiri daripada Bernama, New Straits Times, The China Press, Sinar Harian, Radio & Televisyen Malaysia, Metro, Kosmo dan lain-lain.

Program yang berlangsung dalam suasana santai dan meriah itu berakhir sehingga lewat petang dan berjaya menghabiskan lebih 500 kilogram buah durian yang masih segar sebaik sahaja dikutip dari kebun berdekatan.





Dialog UMP - Industri bantu UMP teroka penyelidikan berteraskan keperluan industri

Sesi dialog kerjasama universiti dan industri yang dianjurkan ini amat baik dan ianya telah lama dipraktikkan di negara maju.

Universiti Malaysia Pahang (UMP) melalui Pusat Pengajian Siswazah (PPS) telah mengadakan sesi dialog dengan pemegang taruhnya terutama industri dan organisasi di Pantai Timur bagi meneroka kajian projek penyelidikan berteraskan permasalahan industri pada 13 Ogos 2009 yang lalu.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, kerjasama tersebut relevan kerana UMP mempunyai kepakaran dalam bidang kejuruteraan dan kepakaran ini digunakan bagi menjalankan kajian yang berteraskan kepada permasalahan yang dihadapi oleh industri.

"Dialog ini juga merupakan antara pendekatan dua hala melalui "university-community engagement (UCE)" bagi menyokong aktiviti penyelidikan yang dilakukan bagi kepentingan bersama.

"Kerjasama erat ini hanya boleh

berlaku sekiranya kedua-dua pihak bekerjasama secara aktif bermula dari perbincangan, kerjasama hingga pelaksanaan projek," katanya kepada 14 wakil industri di Pantai Timur semasa mempengerusikan sesi dialog kerjasama bagi penyelidikan peringkat pengajian siswazah baru-baru ini di kampus Gambang, UMP.

Antara wakil-wakil industri yang hadir, Pengurus Projek & Pengurusan Perniagaan Mercedes Benz Malaysia Sdn. Bhd., Heribert Keppler, Jurutera MTBE Malaysia Sdn. Bhd., Akhbar Shapawi, Pengurus Wilayah Pantai Timur Malaysia Productivity Corporation, Mustafa Hashim, Yang di-Pertua Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (Cawangan Pahang), Dato' Wan Mohd Khalid Mohammad, Pengurus Kanan BASF Petronas Chemicals Sdn. Bhd., Nazrin Rijaludin dan Pengurus Sumber Manusia Hicom-Automotive Manufacturers (M) Sdn. Bhd., Ahmad Zafir Abd



Samad. Hadir sama Dekan-Dekan Fakulti di UMP.

Menurut Pengurus Projek & Pengurusan Perniagaan Mercedes Benz Malaysia, Heribert Keppler, sesi dialog kerjasama universiti dan industri yang dianjurkan ini amat baik dan ianya telah lama dipraktikkan di negara maju.

"Melalui penganjuran program ini dapat mewujudkan satu kaedah tertentu bagi mencari jalan penyelesaian kepada permasalahan di industri.

"Antara masalah yang dihadapi oleh kami adalah berkaitan dengan *line productivity* di kilang yang mungkin boleh disebabkan oleh proses kerja mesin, manusia dan lain-lain faktor lagi," ujarnya.

Pengurus Besar TM Research Development Sdn. Bhd., Dr. Abdul Fatah Awang Mat pula turut mengakui tentang pentingnya kerjasama antara industri dan universiti supaya penggunaan

teknologi komunikasi dapat dimanfaatkan melalui pembangunan dan aplikasi terkini.

"Permasalahan industri juga perlu dikategorikan kepada permasalahan jangka pendek yang memerlukan penyelesaian segera melalui konsultasi kepakaran di UMP dan permasalahan jangka panjang yang boleh dibuat kajian oleh universiti.

"Perbincangan lebih lanjut antara setiap sektor di industri dan fakulti-fakulti di UMP yang berkaitan perlu diadakan bagi mengenal pasti permasalahan mereka kerana setiap industri mempunyai masalah dan pendekatan yang berlainan," katanya.

Naib Canselor amat berharap agar dialog ini diteruskan di masa akan datang bagi membolehkan pihak UMP membuka ruang interaksi yang lebih luas dengan pihak industri.

UMP - Lubri-Loy (AS) jalin kerjasama hasilkan minyak pelincir bermutu tinggi



Oleh: WAN NOR SUZIAYATI WAN SEMBOK

Universiti Malaysia Pahang (UMP) maju setapak lagi menerusi aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) apabila berjaya menjalinkan kerjasama dengan Syarikat Lubri-Loy (Amerika Syarikat) dalam membangunkan penyelidikan penghasilan minyak pelincir bermutu tinggi dan pembangunan pasaran tempatan dan antarabangsa.

Kerjasama itu diumumkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Lubri-

Lo, David Graham ketika Majlis Pelancaran Produk keluaran syarikatnya untuk pasaran tempatan di Hotel Hyatt Regency, Kuantan pada 17 Julai 2009 yang lalu.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), UMP, Profesor Dr. Rosli Mohd Yunus, Ketua Pegawai Eksekutif Urban Environmental Industries Sdn. Bhd., Thomas Thang, Kaunselor Hal Ehwal Komersial

Kedutaan Amerika Syarikat, Nasir Abbasi, Ketua Biro Kebudayaan Jawatankuasa Perhubungan MCA Pahang, Yang Berhormat Senator Ng Fook Heng, dan juga wakil-wakil industri.

Menerusi kerjasama ini, Lubri-Loy akan mengeksport teknologi minyak ke Malaysia manakala UMP dan Urban Environmental Industries Sdn. Bhd. akan berkerjasama menyalurkan kepakaran teknologi bagi

menghasilkan minyak yang berteknologi tinggi dalam pasaran yang lebih kompetitif.

Malah, kerjasama ini juga merupakan peluang kepada UMP untuk meraih kepercayaan syarikat terkemuka luar negara untuk bersama-sama membangunkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan bagi menaikkan nama universiti di persada antarabangsa.



UMP – LKPP Corporation jalin kerjasama dalam bidang Bioteknologi

Universiti Malaysia Pahang (UMP) melalui Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) bergabung tenaga dengan LKPP Corporation Sdn. Bhd. dalam usaha menjalin kerjasama dalam bidang bioteknologi berasaskan pelepah kelapa sawit baru-baru ini.

Kerjasama terbabit turut merangkumi pelbagai aspek penting bidang penyelidikan antaranya pembangunan *pilot plan* untuk penghasilan selulosa mikro habluran dan penyelidikan produk pertanian dan tenusu. Penemuan dan inovasi yang terhasil berpotensi untuk dipatenkan dan seterusnya dikomersialkan.

Pada majlis manandatangani memorandum persefahaman (MoU) yang diadakan pada 9 Julai 2009 itu, UMP diwakili oleh Naib Canselornya, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, manakala Pengarah Urusan, Dato' Haji Md Adnan Sulaiman

mewakili LKPP Corporation Sdn. Bhd.

Hadir sama pegawai-pegawai dari UMP dan LKPP Corporation Sdn. Bhd.

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim semasa berucap pada majlis itu berkata, kerjasama tersebut relevan kerana UMP mempunyai kepakaran dalam bidang bioteknologi.

"Dengan kepakaran dan sumber yang dimiliki oleh kedua-dua pihak, saya yakin jalinan kerjasama yang kukuh dapat dijalinan," katanya.

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir berkata, selain dari bidang penyelidikan, peluang-peluang seperti peningkatan teknologi, pembangunan modal insan, perkongsian pengetahuan dan pengkomersialan produk dapat dilaksanakan.

"Sebagai sebuah Institut Pengajian Tinggi

Awam (IPTA) yang beroperasi di Pahang, UMP sentiasa bersedia untuk membantu Kerajaan Negeri Pahang dan agensi-agensi di bawahnya termasuk LKPP Corporation Sdn. Bhd.

"Manakala LKPP pula boleh membuka ruang bagi penyelidik dan para pelajar UMP menjalankan penyelidikan di kawasan perusahaan berasaskan kelapa sawit dan perladangan," katanya.

Tambah beliau, kerjasama dengan LKPP antara lain akan melibatkan perkongsian sumber sedia ada untuk aktiviti pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan pembangunan staf serta pelajar.

Menurut beliau lagi, ia juga melibatkan aktiviti pertukaran dan penempatan pelajar untuk latihan amali atau penyelidikan, kerjasama dalam pembangunan program atau kursus akademik dan perkongsian tenaga pakar.

UMP mengorak langkah tubuhkan MUIC

Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah mengorak langkah dengan mengetuai beberapa siri perbincangan bersama bagi menubuhkan Multi University International Campus (MUIC).

MUIC adalah merupakan satu usaha kerjasama strategik di peringkat antarabangsa yang diwujudkan antara Northern Consortium United Kingdom (NCUK) dengan Malaysian Technical University Network (MTUN).

Bagaimana timbulnya idea tersebut bermula semasa Lawatan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Yang Berhormat Dato' Saifudin Abdullah ke UMP pada 28 Mei 2009 yang lalu sebelum disusuli dengan beberapa perbincangan.

NCUK adalah sebuah organisasi yang dinaungi 11 universiti di United Kingdom iaitu The University of Bradford, The University of Huddersfield, Leeds Metropolitan University, The University of Leeds, Liverpool John Moores University, The University of Liverpool, Manchester Metropolitan University, The University of Manchester, The University of Salford, Sheffield Hallam University dan The University of Sheffield.

Manakala MTUN pula adalah sebuah rangkaian kerjasama antara empat buah Universiti Teknikal di Malaysia yang terdiri daripada Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Penubuhan MUIC dilihat sebagai sebuah pusat pengajaran dan pembelajaran yang dibangunkan secara bersama antara universiti di

bawah NCUK dan universiti anggota MTUN yang akan ditempatkan di salah sebuah universiti anggota MTUN.

Tujuan utama penubuhannya adalah untuk memacu aktiviti pengantarabangsaan di kalangan universiti anggota MTUN dan mewujudkan hubungan kerjasama pintar antara universiti di bawah NCUK melalui perkongsian strategik antara 11 universiti di United Kingdom melalui kerjasama secara bersama dengan pihak NCUK.

Ia juga bagi menyediakan satu laluan bagi pembangunan staf (*research degree*), pertukaran staf dan pelajar, kerjasama penyelidikan dan pembangunan, pertukaran pedagogi serta amalan pengurusan pendidikan dan teknologi di samping menarik minat pelajar antarabangsa daripada pelbagai negara.

Program ini juga ia dapat mewujudkan program ijazah secara kerjasama atau *dual degree* di kalangan pelajar Malaysia dan United Kingdom menerusi peluang pendidikan untuk pelajar Malaysia dan United Kingdom.

MUIC akan melaksanakan kursus-kursus persediaan bagi kemasukan ke universiti di samping menyediakan satu platform untuk kemasukan ke beberapa program ijazah United Kingdom sama ada di peringkat prasiswazah ataupun pascasiswazah.

Kerjasama ini masih lagi di peringkat cadangan dan masih menunggu tarikh yang sesuai untuk dibentangkan kepada Menteri Pengajian Tinggi Malaysia.



Pejabat Antarabangsa rai Aidilfitri bersama pelajar antarabangsa

Buat julung kalinya, Pejabat Antarabangsa, Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah mengadakan rumah terbuka bagi meraikan pelajar antarabangsa yang beragama Islam dan bukan beragama Islam.

Majlis diadakan di rumah tamu UMP pada 24 September 2009 dan dihadiri pelajar-pelajar warga asing dari negara Iraq, Sudan, China dan Pakistan.

Ketua Pejabat Antarabangsa, Arman A. Rahim telah sudi untuk menjadi tuan rumah pada program berkenaan bersama-sama dengan beberapa orang warga Pejabat Naib Canselor.

Tetamu turut dihidangkan dengan pelbagai makanan yang enak seperti rendang ayam, ketupat, lemang, kuih raya dan sebagainya



**UMP galak
pelajar
ceburi bidang
perniagaan
sempena
bulan
Ramadan**



Universiti Malaysia Pahang (UMP) menggalakkan para pelajarinya berniaga di Bazar Ramadan kerana ia memberi pulangan yang baik di samping memberi semangat kepada bakal usahawan muda untuk menimba pengalaman berniaga.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, bulan Ramadan merupakan bulan yang membolehkan mereka mendapat rezeki dan juga pengalaman baharu dalam dunia perniagaan.

Sebanyak 30 gerai dibuka di Bazar Ramadan UMP, bermula seawal jam 3.00 petang dengan menyediakan pelbagai juadah berbuka puasa antaranya, kuih muih, nasi ayam, nasi berlauk, pelbagai jenis air minuman dan lain-lain lagi.

"Selain itu, para peniaga juga perlu

sentiasa menjaga kebersihan tapak perniagaan masing-masing supaya ia dipandang elok serta selesa dikunjungi," katanya sewaktu merasmikan Bazar Ramadan UMP pada 2 September 2009 yang lalu.

Bagi pengunjung yang terdiri dari warga UMP, selain dapat menikmati suasana meriah, mereka berpeluang untuk membeli makanan dengan harga yang berpatutan.

Tambah beliau lagi, para pelajar juga tidak perlu untuk keluar membeli makanan di luar kawasan universiti kerana kemudahan dan jenis makanan yang dijual di Bazar Ramadan ini memenuhi selera pengunjung dengan pelbagai juadah makanan yang disediakan.

Sementara itu, Penolong Pendaftar Unit Keusahawanan & Inovasi di Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni,

Ahmad Reduan Mohd Yusof berkata, UMP meluluskan 30 tapak Bazar Ramadan di lokasi berhampiran dengan Kolej Kediaman Pelajar. Katanya, UMP hanya mengenakan sewa tapak sebanyak RM250.00 bagi satu petak dalam tempoh sebulan.

"Harga yang diberikan ini termasuk kemudahan kawasan yang berbumbung yang selesa dengan bekalan elektrik dan air.

"Semua keuntungan sewaan ini akan dimasukkan ke dalam tabung Kelab Keusahawanan yang diuruskan oleh ahli kelab iaitu pelajar sendiri," katanya.

Menurutnya lagi, program kali ini mendapat sambutan yang menggalakkan dari para pelajar berbanding dengan tahun-tahun yang lalu.





Naib Canselor tekun memerhatikan Perdana Menteri Malaysia menandatangani buku lawatan di booth UMP bersempena program MSC Malaysia Pahang.



BERMINAT_ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi meneliti buku Haknuk yang diberikan oleh Naib Canselor sempena Academic Carnival dan Expoconvo'09 UMP.



TELITI_ KDYMM Sultan Pahang meneliti *mock-up* buku "The Ruler, The Builder, The Engineer" terbitan Penerbit UMP.



TRANSFORMASI_ Perpindahan pelajar Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik dari kampus Gambang ke Kampus Tetap di Kuala Pahang Pekan.



Timbalan Menteri Pengajian Tinggi dan Naib Canselor UMP menanam pokok *bucida molinetti* ketika melancarkan Kempen Bumi Sihat baru-baru ini.



RAI_ Naib Canselor menyerahkan sumbangan hamper kepada pengamal media bersempena meraikan pihak media dalam Majlis Berbuka Puasa Bersama Media di Hotel Grand Continental, Kuantan.



KAYUH_ Pendaftar turut menyahut cabaran mengayuh basikal sejauh 37 kilometer sempena sambutan kemerdekaan negara yang ke-52.



RAJIN_ Staf UMP turun padang bergotong-royong bagi menyediakan juadah berbuca puasa.



Naib Canselor bergambar kenangan di studio Biz World di TV3 ketika mengadakan lawatan baru-baru ini.



TEKUN_ Antara peserta yang hadir bagi mendengar taklimat Kursus ACL anjuran Unit Audit Dalam.



TAKLIMAT... Pengurusan Tertinggi UMP mendengar taklimat yang disampaikan oleh salah seorang wartawan penyiaran TV3, Karam Singh Wallia.



ERAT... Naib Canselor ketika mengadakan lawatan ke NSTP bagi mengeratkan lagi hubungan dua hala antara pihak media dengan UMP.



SEDAP... Pelajar antarabangsa gembira apabila dapat merasai kuih raya tempatan.



KERJASAMA... Majlis Makan Malam antara UMP dan Lubri-Loy dalam usaha menjalinkan kerjasama membangunkan penyelidikan minyak pelincir bermutu tinggi.



TERTARIK... Timbalan Menteri Pengajian Tinggi tertarik untuk singgah di salah sebuah booth pelajar antarabangsa sempena *Academic Carnival* dan *Expoconv0'09* UMP.



RINGAN TULANG... Staf dan pelajar UMP bersama-sama bergotong-royong dalam menyiapkan juadah berbuka puasa sempena Majlis Berbuka Puasa Bersama Menteri Besar Pahang.



Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) dan Pendaftar tertarik dengan salah satu keratan akhbar keluaran NSTP.



MESRA... Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia ketika beramah mesra dengan pelajar baharu UMP sempena dengan Perasmian Program MINDS 2009.

Klik! Klik! Lensa

Program Bubur Lambuk Perdana rai anak-anak Rumah Penyayang Pekan

Oleh: MOHD RIZAM HAMDAN

Program Bubur Lambuk Perdana'09 Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah diadakan pada 7 September 2009 yang lalu di perkarangan masjid UMP.

Program anjuran Sekretariat Rakan Muda dan Sekretariat Mahasiswa Anak Sabah dan Sarawak dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) dan Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIPI) itu berkonsepkan kebajikan dan kesukarelawanan.

ia diadakan bagi memupuk semangat kerjasama dan menerapkan nilai-nilai murni di kalangan peserta yang terlibat.

Program dimulakan dengan aktiviti gotong-royong bagi menyediakan

bahan-bahan untuk masakan pada malam sebelumnya.

Manakala pada pagi harinya, peserta menyediakan sayur-sayuran dan tepat jam 12.00 tengah hari, aktiviti memasak dimulakan.

Program itu turut dimeriahkan lagi dengan kehadiran anak-anak dari Rumah Penyayang Pekan.

Anak-anak ini telah disediakan dengan beberapa aktiviti motivasi dan dibawa melawat sekitar kampus UMP.

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Profesor Dato' Dr. Sabaruddin Mohd hadir bagi memberi sokongan terhadap program berkenaan.



70 ahli baharu T-REX sertai Kem Induksi Rekreasi

Oleh: ROZANA SAHADAN

Seramai 70 orang ahli baharu Kelab Rekreasi (T-REX) Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah menyertai Kem Induksi pada 17 hingga 19 Julai 2009 yang lalu di Taman Negeri Endau-Rompin, Pahang.

Program yang berlangsung selama tiga hari itu bertujuan untuk memberi pengetahuan asas rekreasi kepada pelajar UMP.

Program tahunan T-REX itu juga turut memperkenalkan konsep 'Malaysia Cergas' dalam usaha untuk mewujudkan masyarakat yang sihat dan aktif.

Antara aktiviti-aktiviti yang diadakan ialah penerangan berkenaan Asas Perkhemahan, Asas Pengendalian Tali, Asas Pertolongan Cemas, Asas Rekreasi Air selain dari Modul Jati Diri dan

Pendakian ke Air Terjun Mahkota. Dua orang pegawai dari Pejabat Perhutanan telah membantu peserta di sepanjang program ini dijalankan.

Para peserta telah diberi penerangan berkaitan peralatan perkhemahan, teknik dan mengenal pasti kawasan pemasangan khemah.

Di samping itu juga, peserta turut didedahkan dengan pelbagai jenis ikatan tali, rawatan awal kepada pertolongan cemas dan teknik-teknik berkayak serta berakit.

Secara keseluruhannya, program ini telah berjaya memberi ilmu pengetahuan kepada peserta dan menjadikan peserta lebih berkeyakinan untuk menyertai program-program rekreasi lain yang lebih mencabar.

ENGLINK 111

satukan mahasiswa kejuruteraan seluruh Malaysia

Oleh: RIDZUADI IBRAHIM

Pada 24 hingga 26 Julai 2009 yang lalu, Sekretariat IEM-UMP telah menganjurkan National Engineering Linkage III yang bertujuan menyatukan mahasiswa dari bidang kejuruteraan seluruh Malaysia.

Pelbagai aktiviti telah diadakan sepanjang program tiga hari itu yang melibatkan mahasiswa UMP dan mahasiswa universiti luar serta para jurutera-jurutera profesional dalam industri.

Menerusi program itu juga, mahasiswa yang terdiri daripada bakal-bakal jurutera telah dapat meluaskan hubungan antara satu sama lain dalam memastikan pada satu hari nanti mereka juga akan menjadi seorang jurutera yang dikagumi.

Pelbagai program telah dilaksanakan sepanjang National Engineering Linkage III iaitu Bengkel Motivasi Bersama Fasilitator yang dijemput khas iaitu Mohd Rizal Hassan, seorang konsultan motivasi, Program Explorace di Pantai Teluk Cempedak dan Majlis Makan Malam di Hotel Vistana Kuantan.

Pada hari ketiga program pula diteruskan dengan perkongsian pengalaman bersama jurutera profesional yang dijemput khas dari Young Engineer Section (YES), The Institution Engineers Malaysia yang dibarisi oleh empat orang jurutera muda.

Dalam slot ini peserta didedahkan kepada dunia pekerjaan yang sebenar di dalam bidang kejuruteraan.

Di akhir program, para peserta dibawa untuk lawatan industri di Perwaja Steel Kemaman, Terengganu, yang merupakan sebuah syarikat pembuatan besi yang ternama di Malaysia.



Social Study On “Water Supply and Sanitation In Rural Area” For The Aborigine Of (Orang Kita) Jakun Tribe At Kg. Simpai, Mukim Bebar, Pekan

By: ABDUL SYUKOR ABD. RAZAK, SA’UDIN SULONG, ASSOC. PROF. DR. ABDULLAH IBRAHIM, MOHD RASHID AB. HAMID AND MOHD. SHAM MOHAMAD

WASRA is a water supply in rural area was found in 2006 since initiated socio-study in Kg. Simpai, Pekan in 2006. It was developed as a potable groundwater and rain water harvesting for rural area. Started with initial of socio-study in community of Jakun tribe or called Malay Proto originally live in Sourthen Peninsular of Yunan and to come here about 5000 years ago. Kg. Simpai located 50 km from Gambang and 25 km from Bandar Muadzam Shah. With population about 1300 members in Jakun communities, having lacks of clean water supply to

their place. In Kg. Simpai, Orang Kita Jakun tribe were divided in zone A, B and C, which A and B Zone already having a normal terrace houses with accommodation of electricity but yet not in zone C. The difference of zone A and B is the water supply, which zone A being provided of culvert well and zone B only using soil well which they conveyed their water to their houses via pump system. But in Zone C because of no electricity supply, water supply to their house only using conventional method (collect water from well

to house). Most important is, the sources of their water usage in palm tree area are not safe and not suitable as drinking water quality Malaysia standard (DWQMS) requirements.

Further study follow by all sampling being tested in lab and at Kg. Simpai wells shown they required a hygienic water supply. Thus, WASRA as a potable groundwater and rainwater harvesting could be the best solution to provide a good quality water supply. Less maintenance and low cost make the WASRA

system more successful to apply at this rural area especially in kg. Simpai. With spirit of “1 Malaysia” including Orang kita should be assisted to move forward towards modern concept. We hope the introducing of WASRA system will change the living style of the Orang kita Jakun tribe in kg. Simpai and will be expanded to others rural area. What ever case or thing going to be but the said of our Prime Minister “People priority and successful is no. one” make the WASRA system is purely solving the water supply in rural area.



Exco BKSS UMP rai anak yatim serah sumbangan raya



Ramadan tahun ini sungguh bermakna buat Badan Kebajikan & Sukan Staf (BKSS) Universiti Malaysia Pahang (UMP) apabila seramai 19 ahli exco berpeluang mendekati anak yatim dan fakir miskin yang menghuni di Asrama Maahad Bahasa dan Ilmu Al-Quran (MaBiQ), sebuah maahad tahfiz persendirian di Kampung Peramu Tanjung Lumpur pada 17 September 2009 yang lalu.

Pengerusi BKSS, Tuan Haji Mustafa Ibrahim yang juga Pendaftar UMP berkata, program yang baharu dimulakan pada tahun ini akan dijadikan acara tahunan di bawah kendalian Biro Kerohanian & Insaniah bagi menghulurkan bantuan kebajikan sumbangan daripada staf UMP kepada anak-anak yatim.

Menurutnya, pendekatan pada tahun ini membolehkan kita berbuka puasa bersama anak-anak yatim dan menyampaikan sumbangan berbentuk wang dan barangan.

“BKSS telah memperuntukkan lebih RM 6,000 sempena Ramadan ini bagi meraikan anak-anak yatim dan juga menyerahkan sumbangan kuih raya kepada staf keselamatan dan staf Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta (JPPH) yang bertugas semasa hari raya,” katanya.

Manakala menurut salah seorang penghuni, Muhammad Huzaifah Mohamad Ezan, 14, yang telah kehilangan kedua ibu bapa dan

adik-beradiknya dalam kemalangan 10 tahun yang lalu berkata, ketika itu saya berumur 4 tahun dan hanya saya seorang terselamat. Nenek telah hantar saya ke sini dan tahun ini adalah tahun kedua saya berbuka puasa bersama kawan-kawan.

Muhammad Huzaifah yang bercita-cita menjadi usahawan berjaya turut bersyukur kerana telah berjaya menghafal dua juzuk al-Quran.

“Saya akan teruskan usaha menghafal semua juzuk pada masa akan datang,” ujarinya.

Manakala menurut Pengetua MABIQ, Umee Ruzaini Ab. Ghani, pada masa ini maahad menempatkan seramai 17 orang pelajar yang terdiri daripada anak yatim dan fakir miskin.

“Ilmu hafazan al-Quran dan al-Hadis yang diajar membolehkan pelajar ini menguasai mata pelajaran yang lain.

“Kami sangat memerlukan sukarelawan yang boleh mengajar subjek bahasa Inggeris, Matematik dan Sains bagi membolehkan pelajar ini mendapatkan pendidikan formal,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi dan Penasihat Utama MaBiQ, Jamaluddin Abdul Jabbar berkata, pihaknya masih memerlukan penaja bagi membayar tenaga pengajar al-Quran dan keperluan kebajikan, pendidikan dan pengurusan MaBiQ.



Konvoi Berbasikal Merdeka UMP 2009 meriahkan sambutan bulan kemerdekaan ke-52



Seramai 35 orang staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyahut cabaran membuat kayuhan sejauh 37 kilometer bermula dari Kampung Pantai Sepat menuju ke kampus tetap UMP di Kuala Pahang, Pekan sebagai usaha menyemarakkan sambutan kemerdekaan negara yang ke-52 pada 19 Ogos 2009 yang lalu.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Rosli Mohd Yunus semasa berucap dalam majlis perasmian berkata, inisiatif penganjuran program ini harus diberi sokongan dan pujian kerana peserta tetap mempamerkan semangat juang yang tinggi sungguhpun wabak Influenza A H1N1 masih melanda negara.

Tambah beliau, program ini tidak seharusnya hanya dihayati oleh peserta malahan keseluruhan warga kampus.

“Dengan bertemakan **1 Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan** adalah satu tema yang begitu bermakna.

“Tema ini melambangkan visi negara untuk mewujudkan satu masyarakat yang berpadu dan mempunyai semangat cintakan negara berpandukan Perlembagaan Negara dan Rukun Negara.

“Ia juga mencerminkan rakyat Malaysia yang saling bekerjasama, bermuafakat, berdikari, berfikir dan menghayati satu visi untuk membina satu negara bangsa,” ujarnya dalam majlis meraikan peserta yang berjaya sampai di UMP Pekan sebagai destinasi akhir.

Sementara itu, Pendaftar UMP, Tuan Haji Mustafa Ibrahim, merangkap Pengerusi Jawatankuasa Program Konvoi Berbasikal Merdeka UMP 2009 sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan Ke-52 yang juga peserta dalam program ini berkata, program yang pertama kali diadakan ini berjaya melibatkan staf daripada Jabatan hal Ehwal Pelajar & Alumni, Pejabat Naib Canselor, Jabatan Bendahari, Jabatan Penyelidikan & Inovasi dan Jabatan Pendaftar sendiri.

Peserta konvoi berhenti di beberapa lokasi antaranya ialah di Kampung Pantai Sepat, Masjid Kampung CheroK Paloh, Simpang Kampung Ubai, Simpang Pantai Lagenda (Kuala Pahang), Simpang Tanjung Selangor sebelum menamatkan destinasi di Dataran UMP Kuala Pahang.





Anak Panah julang nama UMP

Oleh: RAIS DERMAWAN KAMARUDIN

Pasukan Futsal Universiti Malaysia Pahang (UMP), Anak Panah, menjulang nama UMP apabila dinobatkan sebagai Johan bagi Kategori Lelaki Terbuka Kejohanan Kosmo Varsity Futsal 2009 yang berlangsung di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi pada 9 hingga 11 Oktober 2009 yang lalu.

Hadir dengan membawa nama simbolik Anak Panah, pasukan ini mengenyepikan 32 pasukan institusi pengajian tinggi (IPT) lain yang turut bertanding bagi kategori yang sama.

Diletakkan dalam Kumpulan E bersama tiga lagi pasukan lain iaitu Kolej Komuniti Jelebu, OT Mini FC (Kolej Polytech MARA) dan Politeknik Sabak Bernam, pasukan ini tidak mempunyai masalah untuk menjadi johan kumpulan.

Seterusnya, Anak Panah melangkah ke pusingan kedua dan berjaya menundukkan pasukan pilihan iaitu Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan jaringan

1 - 0 sebelum menundukkan pasukan Universiti Tun Abdul Razak (Unitar) dengan jaringan yang sama untuk melangkah ke separuh akhir.

Pada peringkat separuh akhir, pasukan Anak Panah diberi tentangan yang sengit dari pasukan Politeknik Port Dickson sehingga perlawanan diseret ke penentuan sepakan penalti.

Nasib terus menyebelahi pasukan Anak Panah UMP apabila memenangi penentuan *tie break* apabila berjaya menyempurnakan sepakan terakhir untuk menang dengan 6 - 5.

Di pentas perlawanan akhir, South Lion FC (Universiti Terbuka Malaysia) menanti pasukan Anak Panah UMP yang cuba memberi saingan sengit, namun kelebihan terus memihak kepada pasukan UMP apabila jaringan Johan B Bakti, pemain pasukan MASUM yang mewakili negara pada Kejohanan Futsal Universiti Sedunia di Slovenia tahun lalu dan Mohd Reezadin Che Sulong

memisahkan kedua-dua pasukan untuk Anak Panah UMP menang 2 - 0 seterusnya menjulang nama UMP sebagai Johan Kategori Terbuka Lelaki.

Pasukan ini pulang dengan wang tunai RM7,000, Piala Pusingan, pingat, barangan sumbangan Antabax berjumlah RM500 serta barangan pihak penaja.

Sementara itu, pasukan Futsal Staf UMP juga tidak ketinggalan apabila turut menempatkan diri dalam kelompok empat pasukan terbaik bagi Kategori Staf Lelaki Terbuka.

Pasukan ini cemerlang pada perlawanan peringkat kumpulan apabila menjadi Johan Kumpulan B apabila mengenyepikan pasukan Majlis Sukan Kolej Komuniti (MASKOM) dan juga pasukan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Pada peringkat Separuh Akhir pasukan ini berjaya menundukkan pasukan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) melalui penentuan sepakan penalti.

Walau bagaimanapun, perjuangan pasukan Staf UMP tersekat di peringkat separuh akhir apabila tunduk kepada MASISWA (Majlis Sukan Universiti Swasta) dengan jaringan 1-0.

Pun begitu pasukan ini tetap boleh berbangga dengan membawa pulang wang tunai RM500, Piala Iringan dan Madel.

Selain dari pasukan Anak Panah dan juga Pasukan Staf, UMP turut diwakili tiga lagi wakil bagi Kategori Bawah 21, Kategori Bawah 23 dan Kategori Wanita Terbuka.

Walau bagaimanapun tiga lagi wakil UMP ini terpaksa akur dengan lawan masing-masing pada pusingan yang ke-3 setelah cemerlang pada perlawanan peringkat kumpulan sebelumnya.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin di Dewan Canselor Tun Abd Razak, UKM Bangi.



Oleh: RAIS DERMAWAN KAMARUDIN

Tema 1 Malaysia yang dilaungkan oleh Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib Tun Razak disambut penuh tanggungjawab oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Akhbar Harian Kosmo apabila mempraktikkannya melalui aktiviti sukan futsal dengan penganjuran 1 Malaysia Kosmo Varsity Futsal peringkat UMP yang telah berlangsung dengan jayanya pada 25 hingga 26 Julai 2009 yang lalu di Arena Futsal Indera Mahkota, Kuantan.

Dengan penglibatan hampir 500 orang peserta yang mewakili 44 buah pasukan yang bertanding, kejohanan ini menepati tema 1 Malaysia apabila setiap pasukan disyaratkan untuk mempunyai peserta daripada pelbagai kaum.

Turut memeriahkan kejohanan ini ialah pasukan pelajar antarabangsa yang diwakili oleh pelajar-pelajar dari negara Timur Tengah yang melanjutkan pelajaran di UMP.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UMP, Profesor Dr. Rosli Mohd Yunus

Sebanyak empat kategori dipertandingkan iaitu Kategori Bawah 21, Kategori Bawah 23, Kategori Terbuka Lelaki dan Kategori Terbuka Wanita.

Setiap johan kategori akan mewakili UMP pada *Grand Final* yang akan diadakan pada penghujung Oktober nanti.

Pasukan Phanthom Asasin mewakili kategori bawah 21 tahun, Orga FC mewakili kategori bawah 23 tahun manakala pasukan Khaqie Tangan dan Anak Panah mewakili UMP bagi kategori Terbuka Wanita dan Lelaki.

Kesemua johan setiap kategori ini membawa pulang hadiah wang tunai, pingat dan sijil.

UMP, KPTM & KOSMO sahut tema 1 Malaysia





Oleh: NURMADINAH KAMARUDIN



Nama
Syed Mohamad Hamzah Al-Junid Syed Abdul Rahman

Graduan
Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Elektronik) Keputjian Kelas Pertama, Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik, Universiti Malaysia Pahang (Tahun 2007)

Pekerjaan
Pengarah Urusan, AJ Infinite (M) Sdn. Bhd., Bandar Baru Bangi, Selangor.

.....



Nama
Dzul Azlan Bachok

Graduan
Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Universiti Malaysia Pahang (Tahun 2007)

Pekerjaan
Jurutera Mekanikal di Malaysia Marine and Heavy Engineering (M) Sdn. Bhd, Pasir Gudang, Johor Bharu, Johor.

.....



Nama
Mohd Aizat Faiz Mohd Yazid

Graduan
Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Elektronik), Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik, Universiti Malaysia Pahang (Tahun 2009)

Pekerjaan
Jurutera Elektrik di Antara Jurutera Perunding Sdn. Bhd. (AJP), Kuala Lumpur.

.....



Nama
Ahmad Kamal Abdul Rahman

Graduan
Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Sistem Kuasa), Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik, Universiti Malaysia Pahang (Tahun 2008)

Pekerjaan
Jurutera Projek di Leadcom (M) Sdn. Bhd., Shah Alam Selangor. (Kontraktor utama kepada Telekom Malaysia)

Pelantikan Baharu



Dr. Hasan Ahmad (DS51)
Pengarah
Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIPI)
(Mulai 1 Julai 2009 hingga 30 Jun 2011)



Prof. Madya Ir. Shuib Sahudin (DS53)
Timbalan Pengarah
Pusat Pembangunan & Jaminan Kualiti Akademik (PPJKA)
(Mulai 1 September 2009 hingga 31 Ogos 2011)



Prof. Dr. Abd Jalil Borham (VK-7)
Dekan
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK)
(Mulai 17 September 2009 hingga 16 September 2011)



Munira Abdul Razak (DS45)
Timbalan Pengarah (Akademik)
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK)
(Mulai 17 September 2009 hingga 16 September 2011)



Dr. Yaacob Khan (U47)
Pegawai Perubatan
Unit Kesihatan Pelajar
(10 Ogos 2009 – 9 Ogos 2012)



Dr. Yunoos Gitaboy (U47)
Pegawai Perubatan
Unit Kesihatan Pelajar
(17 Ogos 2009 -16 Ogos 2012)

Pihak universiti penuh yakin dengan komitmen dan kepakaran staf UMP dapat dimanfaatkan untuk meningkatkan kecemerlangan universiti.

Kualiti staf lambang kemajuan UMP

Kualiti staf merupakan lambang kemajuan sesebuah organisasi. Justeru, Universiti Malaysia Pahang (UMP) tidak terkecuali dalam menyahut cabaran dalam mempertingkatkan lagi kualiti stafnya di pelbagai peringkat.

Dalam menambah baik kualiti Pengajaran dan Pembelajaran (P&P), universiti menyedari bahawa kecemerlangan hanya akan dapat dicapai melalui penyediaan sumber-sumber yang mencukupi khususnya menerusi perjawatan, perkhidmatan dan latihan.

Pembangunan dan Pengurusan Sumber Manusia UMP dikendalikan oleh Unit Perjawatan & Cuti Belajar, Jabatan Pendaftar.

Sehingga kini, jumlah staf UMP adalah seramai 1,248 orang yang terdiri daripada 491 orang staf akademik dan 757 orang staf bukan akademik. Manakala bilangan staf akademik yang memiliki kelulusan Ijazah Kedoktoran (Ph.D) adalah seramai 72 orang.

Selaras dengan Misi Nasional, matlamat UMP

adalah untuk melahirkan modal insan minda kelas pertama. Dalam hubungan ini, cabaran pengajian tinggi adalah untuk membentuk pelajar yang mempunyai mentaliti kelas pertama bagi menyumbang kemakmuran dan kemajuan negara. Justeru, keperluan tenaga kerja yang mempunyai kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) atau setaraf dengannya adalah penting untuk meningkatkan kualiti modal insan yang kreatif dan berinovatif.

Sehubungan itu, UMP telah menghantar 141 orang staf akademiknya untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Ph.D dan 65 orang di peringkat Ijazah Sarjana di dalam mahupun luar negara. Antara universiti luar negara yang menjadi pilihan adalah universiti di Australia, United Kingdom, Kanada, New Zealand, Denmark, Ireland, Jepun dan Jerman.

Selain itu, bagi memperkasakan dan memantapkan pengisian Ph.D, UMP telah menghantar seramai 16 orang bagi mengikuti Skim *Fellowship* dan 27 orang pula bagi Skim *Fellowship* Ijazah Sarjana.

Sebagai sebuah universiti yang mementingkan penyelidikan, UMP turut mengambil seramai 31 orang tenaga pengajar dari negara Iraq, Sudan, India, Indonesia, Yemen, Pakistan, Bangladesh dan Myanmar yang berkemahiran dan berkepakaran tinggi dari luar negara iaitu 29 orang staf akademik dan dua orang staf bukan akademik.

Pengantarabangsaaan pengajian tinggi adalah aspek yang perlu diberi penekanan dalam memartabatkan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di Malaysia ke arah bertaraf dunia.


Secara keseluruhannya, UMP akan meneruskan usaha dalam meningkatkan kualiti staf yang cemerlang bagi melahirkan anak bangsa yang gemilang dan terbilang. Ini membolehkan UMP akan lebih berdaya saing dan menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa.

Terbitan Terkini

GEOPHYSIC METHOD IN GEOLOGICAL ENGINEERING

Penulis : Youventharan Duraisamy
ISBN : 978-967-5080-66-1
Harga : RM 31.50

Buku ini mengandungi gambaran keseluruhan kejuruteraan geofizik dan kejuruteraan awam yang digunakan ke atas kajian batu-batuan. Kaedah mekanikal seperti seismos, ultrasonik dan pemancaran akustik serta kaedah elektrik seperti radar, kerintangan dan kaedah-kaedah elektromagnetik dibentangkan dan kemungkinan boleh digunakan secara teknikal dan ekonomikal. Buku ini berfungsi sebagai bahan bacaan tambahan untuk para mahasiswa yang berminat mempelajari kejuruteraan geologi atau kursus penyiasatan tapak. Buku ini juga merupakan bahan rujukan cepat bukan sahaja untuk para mahasiswa tetapi juga ahli-ahli akademik dan pengamal-pengamal dalam bidang kejuruteraan awam. Setiap bab dibentangkan dengan terperinci dan secara sistematik untuk menerangkan konsep-konsep serta prinsip asas geofizik dalam kejuruteraan awam. Semoga buku ini dapat membantu dan menjadi rujukan berguna kepada para mahasiswa dalam bidang kejuruteraan awam.



INTRODUCTION TO PILE FOUNDATION

Penulis : Youventharan Duraisamy
ISBN : 978-967-5080-63-0
Harga : RM 31.50

Buku ini dihasilkan bagi memberi pengenalan berkenaan prinsip asas cerucuk tapak dan prinsip reka bentuknya. Setiap bab dibentangkan dengan terperinci dan sistematik bagi menjelaskan konsep-konsep dan prinsip asas cerucuk tapak rekaan menggunakan Eurocode 7. Diharapkan agar prinsip-prinsip asas serta bimbingan yang diberikan melalui buku ini dapat memberi lebih kefahaman kepada bukan sahaja para mahasiswa tetapi juga untuk ahli-ahli akademik dan pengamal-pengamal dalam bidang kejuruteraan awam.




INTERMEDIATE MANDARIN

Penulis : Chong Ah Kow
ISBN : 978-967-5080-43-2
Harga : RM 19

Buku ini adalah kesinambungan daripada buku pertama dan telah ditulis berdasarkan topik-topik dan hasil yang ingin dicapai berdasarkan sukatan pelajaran seperti yang telah diluluskan oleh Senat Universiti Malaysia Pahang. *Intermediate Mandarin* merupakan sebuah teks bagi pelajar-pelajar yang ingin meneruskan pengajian bahasa Mandarin pada tahap pertengahan. Antara kandungan buku ini adalah:

- Senarai perkataan-perkataan baharu
- Latihan membaca
- Latihan percakapan
- Latihan penulisan



Perpustakaan anjur Sambutan Bulan Membaca

Perpustakaan Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah mengadakan Sambutan Bulan Membaca mulai 15 Julai hingga 20 Ogos 2009 yang lalu.

Pelbagai aktiviti menarik turut diadakan seperti *Infohunt*, Pertandingan Fotografi dan Pameran Buku.

Objektif utama program tersebut adalah untuk menggalakkan budaya membaca di kalangan staf dan pelajar UMP.

Selain itu, ia juga diadakan bagi meningkatkan kesedaran akan kepentingan membaca di samping menyahut seruan kerajaan untuk mengadakan Sambutan Bulan Membaca setiap tahun.

Aktiviti *Infohunt* yang diadakan pada 15 Julai 2009 merupakan satu pertandingan pencarian maklumat untuk mendekati warga UMP dengan perpustakaan di samping dapat mendedahkan warga UMP dengan perkhidmatan yang disediakan oleh perpustakaan kepada mereka.

Pameran Buku pula telah diadakan pada 27 hingga 29 Julai 2009 di

Lobi Perpustakaan.

Pertandingan Fotografi turut diadakan dengan penekanan kepada empat tema iaitu Membaca Sepanjang Hayat; Baca Adalah Gaya Hidup; Bangsa Membaca Bangsa Berjaya dan Membaca Memerdekakan Minda.

Selain itu, Perpustakaan akan memulakan Kempen Sebulan Satu Buku. Kempen ini bakal memaparkan rumusan atau soroton buku untuk tatapan warga UMP melalui saluran *announcement board* di *e-Community*.

Sekiranya ia mendapat respon positif daripada semua pengguna, pihak perpustakaan berhasrat untuk meningkatkan kekerapan sorotan buku ini.

Semoga dengan usaha yang dijalankan akan membantu warga UMP untuk menjadi "Buku kekasih" dan memahami akan erti "Ada Apa Dengan Buku" karya Shaharom TM Sulaiman.





Human Capital Development In Islam

By: ASAR ABDUL KARIM

The main objective of human capital development in Islam is to develop “*Insan Rabbani*” (godliness individual). *Insan Rabbani* is the one who could be called as the vicegerent (*khalifah*) of Allah in this temporary world. A real success for *Insan Rabbani* means success in this world and Hereafter Life. However, the influence of un-Islamic culture through mass media particularly TV and the Internet should be faced wisely whereby researches show that mass media contribute to the growing statistics of social problems and crimes.

Therefore, the main focus on any human capital development is on educating the soul. Soul (*roh*) is the most important part for a human being; whereas it affects actions of the person. As Muslims, our religion should become the most essential aspect in our life, it instills positiveness in ourselves; we feel secure and content because we believe that God is watching what we are doing, bestow rewards or punishment whenever appropriate. This fact was also acknowledged by some Western scholars (Stephen Covey: *The 7 Habits of Highly Effective People*, 2004). Therefore, this short article focuses on three basic needs in educating human soul: 1. Antibiotic for sickness, 2. Food to live with, and 3. Medicine to cure diseases (Asar: *Kecemerlangan Tamadun Islam Masa Kini*, 2008).

THE THREE NEEDS FOR HUMAN SOUL

1. Antibiotic For Sickness

This antibiotic is about the awareness on “worldly love” is the main source of all evils or vices; whereby the love to Allah SWT is the cure to it” (Asar: *Cintakan Allah SWT: Satu Realiti*, 2007). A Muslim who loves Allah SWT is a person who surely believes and convince on the life of Hereafter or Judgement Day. Thus, every single action he or she makes is based

on good intentions since the person realises that everything in this world will be accounted in front of Allah SWT. In contrast, if a person is not convinced or believed on the reward or punishment from God in the Hereafter Day, one will chase after this world’s interests to the fullest though, even though it could affect others’ proportions or rights.

2. Food to Live With

Meanwhile, the food for soul is a sustained relationship with Allah SWT. It can be achieved through persistence effort to stay close to Allah SWT by fulfilling all the obligations prescribed by the Almighty. The person must also avoid any forbidden or unlawful act that is against Islam, as outlined upon Muslims by Allah SWT- the Almighty. In fact, the concept *ibadah* (worship) in Islam is exceptionally comprehensive as it describes all the deeds that Allah SWT loves us to do, be it in thoughts, intentions, sayings or actions. However, this does not mean that the person should not commit any sin or wrong doing since as human beings we cannot escape from doing a mistake. Indeed, what one should worry more is the heart. If the heart is multiplying with sins and evil things, it will be difficult for a person to accept any guidance. Nevertheless, it is not bizarre or odd for a mu’min (believer) to commit mistakes or sins. Human beings are bound to make mistakes because they are the creatures of Allah SWT; but a good believer will quickly and constantly seek His forgiveness and repentance. This is the only medicine or cure for the soul.

3. Medicine To Cure Diseases

The medicine is the sincere repentance as what named in Islam as “*Taubat Nasuha*”. A believer should repent from any sin that one has committed because it is an essential Islamic obligation in order to become a

steadfast Muslim in facing this worldly life. Thus, he or she will be the rightful individual to uphold Allah’s religion because of his or her strong love to Allah SWT. The Muslim also has a strong confidence or belief on seeing Allah SWT at the Hereafter Day to gather blessings and rewards from Him.

As discussed earlier, it is normal for a believer to make mistakes or sins, but the godliness individual (*insan rabbani*) aspect in the person must be stronger than the sins. One has to prioritise the pursuit of achieving Islamic’s objectives more than thinking too much about one’s own desire. Moreover, a Muslim must envisage on getting the blessings from Allah SWT rather than the worldly pleasures, so that he or she is continuously improving himself or herself and for the *Muslim Ummah* (Islamic society). If along the way, one slipped or made a mistake, he or she must quickly repent and felt strong regret toward what had happened. Eventually, the person will be closer to Allah SWT because the temptation to conform to the words and commands of Allah is more than to differ.

The three aspects presented in the discussion are the basic requirements or criteria to develop a human being in the perspective of Islam. As Muslims, we should have our own identity because no one can claim to be the best person in a society if he or she does not respect his own society’s identity. However, the biggest challenge faced by the Muslims nowadays in developing human capital from Islamic perspective, is the negative influences of mass media particularly TV and the Internet. The writer hopes this brief article will provide some insights in developing human beings, particularly to those who are involved directly or indirectly in human capital development.

The writer is a lecturer at the Centre for Modern Languages & Human Sciences, UMP.

Dasar menyambung pengajian secara separuh masa di dalam dan luar UMP

Pada Keluaran CREATE kali ini, Info Pekeliling telah memilih Pekeliling Pentadbiran Bil. 3 Tahun 2009 iaitu Dasar Menyambung Pengajian Secara Separuh Masa di dalam dan luar Universiti Malaysia Pahang (UMP) untuk tatapan pembaca. Pekeliling ini telah diputuskan oleh pihak Pengurusan UMP dan telah berkuat kuasa pada 1 April 2009.

Berikut adalah beberapa persoalan yang boleh memberi maklumat mengenai pekeling tersebut:

S. Apa tujuan pekeling ini dikeluarkan?

J. Surat Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai dasar bagi pegawai yang menyambung pengajian secara separuh masa sama ada di dalam atau luar universiti.

S. Bagaimanakah cara permohonan untuk menyambung pengajian sekiranya saya sedang berkhidmat dengan UMP?

J. Pegawai yang ingin menyambung pengajian dikehendaki mengemukakan permohonan kepada Pendaftar melalui Ketua Jabatan setelah mendapat sokongan daripada Ketua Jabatan masing-masing.

S. Adakah saya boleh mendapat kemudahan cuti tanpa rekod ketika menghadiri peperiksaan?

J. Ya. Surat permohonan perlu dikemukakan kepada Pendaftar bagi tujuan mendapatkan kebenaran melanjutkan pengajian secara separuh masa dan mendapat kemudahan cuti tanpa rekod kerana menghadiri peperiksaan pada tarikh-tarikh peperiksaan sahaja berdasarkan Perintah Am, Bab C (44).

S. Apakah peraturan atau syarat bagi pegawai yang ingin menyambung pengajian secara separuh masa atau jarak jauh di luar UMP?

J. Peraturan dan syarat bagi yang menyambung pengajian di luar UMP adalah seperti berikut:

- (a) Kemudahan ini hanya diberikan kepada pegawai tetap dan telah disahkan dalam perkhidmatan dan berkhidmat sekurang-kurangnya tiga tahun.
- (b) Pegawai yang dilantik secara kontrak atau sambilan adalah tidak layak untuk kemudahan ini.
- (c) Mendapat markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) melebihi 80 peratus dalam tahun semasa.
- (d) Masa pengajian tidak mengganggu waktu bekerja dan tidak membelakangkan tanggungjawab sebagaimana Peraturan 4, Peraturan-peraturan Tatatertib Badan-Badan Berkanun, Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605).
- (e) Permohonan hendaklah mendapat sokongan daripada Ketua Jabatan.
- (f) Permohonan menyambung pengajian hendaklah mendapat kelulusan Pendaftar.
- (g) Pegawai yang diluluskan menyambung pengajian secara separuh masa atau jarak jauh dikehendaki mengemukakan sesalinan keputusan peperiksaan (setiap semester) untuk simpanan fail peribadi.

S. Apakah peraturan dan syarat bagi yang menyambung pengajian secara separuh masa di dalam UMP?

J. Peraturan dan syarat bagi yang menyambung pengajian secara separuh masa di dalam UMP adalah:

- (a) Pegawai yang layak adalah staf yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan berkhidmat sekurang-kurangnya tiga tahun.
- (b) Mendapat markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) melebihi 80 peratus dalam tahun semasa.
- (c) Program pengajian adalah dalam skop/ bidang tugas jawatan hakikinya.
- (d) Masa pengajian tidak mengganggu waktu bekerja dan tidak membelakangkan tanggungjawab sebagai staf sebagaimana Peraturan 4, Peraturan-peraturan Tatatertib Badan-badan Berkanun, Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605).
- (e) Permohonan hendaklah mendapat sokongan dari Ketua Jabatan.
- (f) Permohonan menyambung pengajian hendaklah mendapat kelulusan Pendaftar.
- (g) Pegawai dikehendaki lulus dalam peperiksaan (setiap semester) program pengajiannya dan memperoleh Purata Himpunan Mata Nilai (CPA) sekurang-kurangnya 2.50 dan ke atas. Pihak universiti berhak menarik balik insentif ini sekiranya pegawai berkenaan gagal memperolehi CPA 2.50 ke atas. Satu salinan keputusan peperiksaan bagi setiap semester perlu dikemukakan kepada Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Pendaftar untuk tujuan penyimpanan rekod.

S. Apakah kelebihan yang Pegawai UMP boleh dapati sekiranya pegawai tersebut menyambung pengajian di bawah program separuh masa di dalam UMP?

J. Pegawai UMP yang menyambung pengajian di bawah program separuh masa dalam UMP akan diberi pengecualian bayaran yuran sebanyak 30% berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Universiti Kali Kelima Bil.2 Tahun 2008 pada 11 Julai 2008.

S. Bagaimana sekiranya pegawai yang sedang belajar pada masa sekarang tetapi tidak memenuhi syarat untuk diluluskan permohonannya?

J. Bagi pegawai yang sedang belajar pada masa sekarang tetapi tidak memenuhi syarat untuk diluluskan permohonannya, mereka tidak layak mendapat kemudahan cuti tanpa rekod. Oleh itu, mereka dikehendaki mengambil cuti rehat atau cuti gantian sekiranya ada. Jika cuti-cuti tersebut telah dihabiskan maka mereka perlu mengambil cuti tanpa gaji.

Functional Comfort vs Strategic Landscape for Workspace Improvement within University Campus



By: MOHAMMAD AFFENDY OMARDIN

Functional comfort is defined as comfort in a work related environment. The word 'landscape' derives from a Dutch word 'landschap' which means patch or area.

A landscape comprises of visible features of an area of land, including its physical elements such as landforms, living elements of flora and fauna, abstract elements such as lighting and weather conditions, and human elements, for instance, human activity or the built environment. Landscape also presents a geologic phenomenon, archaeological context, environmental setting, nature, garden, art, agriculture or farming, urban settlement pattern, park or city.

An organisation building, on the other hand, delivers a quality work environment to the organisation at a reasonable cost.

A building's interior environment specifically, is designed to serve a measurable purpose that advances the organisation towards its performance goals. The building provides a humane and functional working environment. Colours in the building, on the other hand, are to aid its vision and as a mean in creating a pleasant and interesting appearance.

Nevertheless, landscape trees not only capable of making a campus appears more beautiful, they can also improve the campus environment thus, increase the value of the property. Gardens, water features are known as attributes that could provide peacefulness

and relaxation, as well as offer healthier working environment.

As cities grow, it has become more important for a workplace to set aside green spaces where urban dwellers can enjoy trees, flowers, lakes and rivers and wildlife. Outdoor spaces should be designed to promote calmness while taking into consideration users' comfort and safety.

As cited in Al- Termedhi (vol. 5:111), *"God be praises is good and He loves goodness and He loves cleanliness, generous and He loves generosity, perfect and he loves perfection, so clean your surroundings."*

All site features must be properly chosen with the utmost consideration on safety aspects. They should not be easily broken, and without sharp edges. Indeed, benches and garden tables should be durable and preferably fixed to the ground.

The overall landscape design should help to present a quality environment that enables attractive working space.

The overall layout should be in harmony with the surrounding (including the building structures) to reduce stress and avoid confusion. Thus, apply 'cool' colours generally. For example blue colour creates cool, calm and relaxing environment, while green makes it easy on eyes.

A cool colour offers tranquillity and soothing feelings. Red, on the other hand, creates

excitement which induces aggression; yellow suggests cheerfulness, warmth, happiness, while at the same time draws attention and boost morale. Whilst, orange put up a more friendly, warmth and vibrant feelings; violet and purple colours indicate serenity, sophistication and majestic impression. Brown colour too, can evoke relaxation and warmth; while grey, a cool, conservative colour that can evokes strong emotion.

"Do your not see that He sends down rain form the sky? With it We bring out produce of various colours. And in the mountains are tracts white and red, of various shades of colour, and black intense in hue." (Surah Fatir 35: 27)

Interior furniture such curtain and window shades offer a sense of privacy and protection from the sun. This will give a feeling of warmth and cosiness.



Plants and flowers are used as decorations and to bring a personal touch of freshness.

Wall accessories such as pictures, print, photograph, clocks can contribute and enhance the overall atmosphere of happiness. Paintings, specifically, is the cheapest way to decorate walls, considering its washability, quality and sustainability factor.

Ceiling and floor features must blend together. It should also be at ease for cleaning purposes. Furthermore, take into consideration of its estimated life span, stain resistance, durability and sound absorbing characteristics.

Carpeting gives the advantage to provide a more comfort feeling at the work area. The colour of the carpet must be carefully selected to highlight a great deal of the room appearance. The best quality carpeting is valued in terms of its wearability, sound, heat and direct absorption.

Sun shades, paving stone and parking area must be well maintained using cool materials to indicate the quality and image of the campus. The application of curtains and window shades, indeed, can help to prevent heat build-up.

Maintenance should be made after the completion of the construction. Broken or inoperative garden lights, damaged benches and ruined plant materials for instance, should be repaired, removed or replaced immediately.

The writer is a Lecturer at the Faculty of Civil Engineering & Earth Resources, UMP.



Moreover, proper pruning of landscape trees improves its structural strength, maintains health, enhances beauty and increases value. For exterior design, a good sign reflects the character of the locality and attract attention.

Most of the time, good cleanliness of the interior and exterior provide the best environment to its users.

Today, in order to study the complete picture, we must not forget that these artefacts exist within the natural landscape factors of the earth. The climate, geology, erosion, wildlife and plants are equally important elements in a community.

For urban community, engineering and landscaping is a framework. Decisions regarding its appearance in relation to the organisation gives impact to the growing demand for a sensitivity in the aesthetic, cultural and social aspects of the campus development. Due to the sustainable healthy environment, campus community must ensure the long term benefits and sustainability of the campus activity, in order to have a high quality campus environment.

References

- Aylin, O. (2000). *Tourist in Historic Towns-Urban Conservation and Heritage Management*. E&FN SPON.
- Mokhtar Stork. (2000). *A-Z Guide to the Quran*. Times Edition Pte. Ltd.
- Wilson Jr., L. (2008) *Handbook on Tourism*. Golden Book Centre Sdn.Bhd.
- Neufert. (2003). *Architects' Data*. Oxford: Alden Press.



Rumah Merdeka

Rumah itu dibina 5 dekad dahulu
atas bumi bernama Tanah Melayu
pada tanah yang pernah dijajah
didirikan rumah merdeka untuk anak cucu

Rumah merdeka
penuh kebebasan
penuh pembangunan
penuh keamanan

Rumah merdeka ini
jangan sampai runtuh kelak
kerana tamak dan pentingkan diri
rumah yang dibina atas kepercayaan
dari keteguhan
dari keperitan
dari sesabaran
jangan sampai goyah
kerana rakus mengejar kerlipan dunia

Rumah merdeka
penghuninya mesti saling memahami
saling mengerti
rumah ini bukan senang didiri
selama beratus tahun bumi ini milik orang
tiada rumah, tiada bebas
Kini...
rumah merdeka tersergam indah
ajarlah penghuninya mengerti dan memahami
erti sejarah
erti sebuah rumah merdeka!

Rumah merdeka
setelah berabad lama ia dijajah
hasil bumi ke lain tumpah
nasib peribumi tak tentu arah

*Mushairah
Perpustakaan UMP*





Universiti Malaysia PAHANG

Diterbitkan oleh:

UNIT PENERBITAN & GRAFIK

Pejabat Naib Canselor

Universiti Malaysia Pahang

Lebuhraya Tun Razak

26300 Gambang

Kuantan, Pahang Darul Makmur

Tel : 09 549 2501

Faks : 09 549 3199

e-mel : pro@ump.edu.my